

10 MAY 1998

Zaharah - Asnita

YAYASAN JANJI LABUR BERJUTA RINGGIT DALAM ASNITA

IPOH, 10 Mei (Bernama) -- Beberapa yayasan dan syarikat akan melabur jumlah yang besar dalam Amanah Saham Wanita (ASNITA) yang dilancarkan lima hari lepas, kata Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Ada yayasan yang sanggup melabur antara RM1 dan RM3 juta, tidak termasuk syarikat-syarikat lain yang turut menyatakan komitmen yang sama", katanya.

Berdasarkan sokongan itu, beliau yakin 50 peratus daripada RM200 juta unit saham berharga 50 sen seunit itu dapat dijual sebelum akhir tahun ini.

Siti Zaharah berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran ASNITA peringkat negeri oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib di sini. Perak adalah negeri pertama selepas pelancaran peringkat nasional oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada 5 Mei lepas.

Beliau berkata, sejak pelancarannya amanah saham yang bertujuan mengembeling dana kaum wanita untuk membantu memulihkan ekonomi negara, mendapat sambutan menggalakan di seluruh negara dengan sebahagian cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN), kehabisan borang.

Mengenai nilai pelaburan yang sudah dilaburkan dalam amanah itu setakat ini, beliau berkata, angka sebenar belum diketahui tetapi jumlahnya besar.

Menurut beliau, pengurus amanah itu, Hijrah Unit Trust Management Bhd, tidak dapat menentukan nilai pelaburan sebenar kerana ada cawangan bank yang tidak mempunyai kemudahan "on-line".

Siti Zaharah juga berkata, pelancaran ASNITA di peringkat bahagian-bahagian dalam parti komponen Barisan Nasional akan dilakukan selepas pelancaran peringkat negeri-negeri selesai pada 24 Mei ini.

Sementara itu, Ramli berkata, wanita patut merebut peluang melabur dalam ASNITA yang menawarkan harga yang kompetitif iaitu kira-kira 25 peratus lebih rendah daripada harga pasaran biasa.

Selain sebagai faedah simpanan untuk jangka masa panjang, pelaburan mereka secara tidak langsung akan dapat membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara, katanya.

Bersempena Hari Ibu yang diraikan hari ini, Ramli turut menyerahkan sejumlah wang pelaburan untuk akaun ASNITA isterinya, Raja Puan Sri Noora Ashikin Raja Abdullah, selaras tema pelancaran itu "Simpan sebagai hadiah untuk ibu dan keluarga".

-- BERNAMA

LAT WAT